

# Institut kaji trend masyarakat semakin berumur

SEBUAH prasarana penyelidikan khusus telah dibuka semalam bagi mengkaji isu sosial yang rumit dan idea reka bentuk inovatif bagi penduduk Singapura yang semakin berumur.

The Next Age Institute, hasil kerjasama Universiti Nasional Singapura dan Universiti Washington di Amerika Syarikat, akan menangani cabaran dan juga memanfaatkan peluang yang wujud daripada trend sosial ini.

Pada 2030, satu daripada lima warga Singapura akan berusia 65 tahun ke atas.

Penyelidikan institut tersebut akan melibatkan pelbagai bidang, termasuk kerja sosial, ekonomi, undang-undang, perubatan, kejuruteraan dan seni bina.

Menteri Negara Kanan (Kesihatan merangkap Tenaga Manusia), Dr Amy Khor, yang merupakan tetamu terhormat majlis pelancaran tersebut berkata:

“Ini memang tepat pada masanya kerana dalam tempoh satu hing-

ga dua dekad lagi, lebih ramai penduduk Singapura semakin berumur.

“Walaupun sains dan teknologi dapat menambah usia seseorang, cabaran bagi kita adalah menjadikan jangka hayat yang bertambah itu kepada kehidupan yang sihat dan produktif.

“Jika kita gagal, cabaran sebagai satu masyarakat yang semakin berumur akan bertambah dan kita mungkin tidak dapat mengambil kesempatan daripada peluang yang wujud.”

Institut yang berpangkalan di NUS itu akan memulakan kajian rintis ke atas peralihan penjagaan warga tua daripada khidmat penjagaan akut kepada posakut lewat tahun ini. Ia akan bekerjasama dengan Hospital Besar Singapura (SGH), Hospital Besar Changi (CGH) dan Hospital Tan Tock Seng.

Kajian tersebut akan melibatkan 30 keluarga dan menjejaki sokongan penjagaan rasmi dan tidak rasmi bagi warga tua dan ahli keluarga mereka dalam tempoh setahun.